

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 16 JUN 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 24**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1242-L44732  
**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap pemaju-pemaju rumah yang tidak menyiapkan projek-projek perumahan mereka seperti yang dijanjikan oleh mereka, bagaimana Kementerian dapat membantu pembeli-pembeli yang harus membayar pinjaman bank, walaupun rumah yang dibeli belum boleh diduduki.
2. PR-1242-L44759  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini kewangan FELDA, kewajaran FELDA meminjam lebih RM6 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan prestasi pelaburan hasil daripada pinjaman ini.
3. PR-1242-L44085  
**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah insentif yang disediakan kepada syarikat swasta yang memberi cuti separuh hari kepada kakitangan mereka yang menyertai Skim Rondaan Sukarela (SRS), misalnya dari segi pelepasan cukai.
4. PR-1242-L44509  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sebab-sebab kedudukan Malaysia dari segi Keberkesanan Kerajaan dan Keberkesanan Perniagaan telah merosot dengan begitu teruk sekali dari tempat 9 dan 4 ke 17 dan 14 mengikut IMD World Competitiveness Yearbook 2011

5. PR-1242-L43635  
**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulau ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan insentif yang diberikan kepada pelabur dalam bidang teknologi bio dan berapakah jumlah pelaburan yang telah diperolehi oleh negara sejak 10 tahun yang lepas.
6. PR-1242-L44631  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan kematian Ahmad Sarbani di pejabat SPRM Wilayah Persekutuan, apakah tindakan yang diambil terhadap 62 pegawai Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) yang ditangkap pada April lalu, berapakah wang pegawai yang dibekukan dan adakah akan dipulangkan semula.
7. PR-1242-L43202  
**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pembinaan infrastruktur SUKMA setiap kali sukan ini dianjurkan di negeri-negeri yang berlainan adalah satu pembaziran, memandangkan banyak negeri tidak mampu membiayai kos penyelenggaraan tahunan infra-infra ini, disamping tiada cukup *event* untuk penggunaan sepanjang tahun. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.
8. PR-1242-L43439  
**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memberhentikan atau membatalkan penguatkuasaan pemakaian tali keledar penumpang tempat duduk belakang kereta, memandangkan hanya 9.7% sahaja penumpang tempat duduk belakang yang mematuhi peraturan ini, mengikut kajian MIROS (rujuk BH bertarikh 02 Mac 2011). Jika tidak apakah perancangan untuk meningkatkan pemakaian tali keledar tempat duduk belakang.
9. PR-1242-L43362  
**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan penggunaan kamera litar tertutup di kawasan tumpuan atau panas sesuatu kawasan dalam usaha menurunkan kadar jenayah di bandar utama seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kota Kinabalu, Georgetown, Kuala Terengganu dan Kuantan.
10. PR-1242-L44337  
**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah benar pihak MARA kekurangan dana bagi melaksanakan program-program pelajaran untuk pelajar Bumiputera kerana mengikut dakwaan banyak permohonan biasiswa pelajar Bumiputera yang layak telah diketepikan akibat daripada kekurangan dana.

11. PR-1242-L43979  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status perundingan persempadanan di antara negara jiran Brunei Darussalam dan Indonesia dengan Malaysia khusus berkaitan sempadan di bahagian Sri Aman, Kuching dan Limbang, Sarawak.
12. PR-1242-L44828  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bentuk pemantauan yang dibuat ke atas pengusaha rumah-rumah pemulihan akhlak serta syarat-syarat untuk membuka pusat pemulihan.
13. PR-1242-L45051  
**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperketatkan penjualan asid memandangkan terdapat penyalahgunaan asid untuk tujuan jenayah dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.
14. PR-1242-L44516  
**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama-nama dan jumlah syarikat yang telah diberikan hak mengeluarkan Sijil Halal, pendapatan mereka yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, dan bayaran yang diperolehi oleh Kerajaan untuk pemberian hak mengeluarkan sijil tersebut.
15. PR-1242-L43251  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
  - (a) sama ada Kementerian berpuas hati ke atas tahap kesihatan masyarakat luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak; dan
  - (b) berapa jumlah bilangan klinik 1Malaysia yang telah diwujudkan di negeri tersebut serta kos pengendalian dan adakah rawatan percuma ini dipanjangkan kepada warga asing seperti pemegang IMM13.
16. PR-1242-L44767  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
  - (a) apakah cadangan melarang pembelian gula bersubsidi kepada semua pihak industri termasuk kecil dan sederhana telah dilaksanakan; dan
  - (b) berapakah jumlah gula yang diimport oleh pengilang makanan dan minuman pada tahun 2010 melalui permit (AP).

17. PR-1242-L43794  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapakah sambutan terhadap tanaman kenaf tidak begitu menggalakkan dan tidak ditanam secara besar-besaran memandangkan keperluan adalah lebih daripada hasil tanaman.
18. PR-1242-L44679  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah kawalan dan pemantauan terhadap penyakit denggi yang dilaksanakan oleh Kementerian; dan
  - (b) sila beri angka kes denggi untuk seluruh negara bagi lima tahun (2006-2010) termasuk angka kematian.
19. PR-1242-L43748  
**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan akan menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan bagi projek elektrik solar di Kampung Sebako, Pulau Bruit.
20. PR-1242-L43543  
**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai subsidi RM4,360.00 yang diberikan kepada setiap orang yang akan menunaikan haji untuk kali yang pertama. Dari manakah sumber subsidi ini serta kos secara terperinci yang perlu dibayar oleh jemaah ketika menunaikan ibadat haji.
21. PR-1242-L44425  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil dalam soal isu keciciran pelajaran yang melibatkan anak-anak Orang Asli yang kian membimbangkan dengan kira-kira 2,264 orang tidak menghabiskan persekolahan mereka sehingga ke Tingkatan 5.
22. PR-1242-L43712  
**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek jalan raya Tok Bali - Pasir Puteh dan berapakah tambahan kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan akibat kegagalan projek ini siap mengikut jadual.
23. PR-1242-L44070  
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kehilangan pinggir pantai Negara ini seperti yang dijangka akan berlaku termasuklah di Batu Pahat seperti yang dilaporkan oleh satu penyelidikan universiti tempatan baru-baru ini akibat daripada proses kenaikan aras laut kesan daripada pemanasan global.

24. PR-1242-L43987  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kesinambungan atau justifikasi Kerajaan untuk mewujudkan Peguam Negara (Syariah) dan mengkodifikasikan Kod Tatacara Amalan Mufti Negeri-Negeri, Fatwa dan lain-lain serta adakah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bercadang memberi tempoh tertentu kepada negeri-negeri selain Wilayah Persekutuan untuk melantik Hakim Syarie Wanita.
25. PR-1242-L43591  
**Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan dan tahap pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan dalam menjamin status halal makanan yang telah siap diproses dan dibungkus oleh pengilang-pengilang yang diragui.
26. PR-1242-L43798  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kriteria untuk membina hospital untuk setiap pekan dan bandar dan sama ada sebuah hospital dapat dibina di Rawang.
27. PR-1242-L43147  
**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan rancangan dan usaha Kementerian untuk membersihkan, menambahbaik dan membina semula parit-parit serta pintu air akibat kerosakan sepanjang Jalan Kelupu dari Pekan Bintangor seperti yang dikemukakan dalam sesi Parlimen yang lepas.
28. PR-1242-L44131  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai pelan untuk mengimplementasikan peperiksaan wajib kepada ke semua graduan perubatan dari Universiti tempatan mahupun dari luar negara sebelum diberikan pengiktirafan untuk menjalankan tugas.
29. PR-1242-L43307  
**Tuan William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah kementerian ini sedar masalah bekalan benih getah yang amat serius dan banyak skim-skim penanaman semula telah terbengkalai dan gagal ditanam. Oleh sebab yang demikian apakah tindakan pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.
30. PR-1242-L44037  
**Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan rasional di sebalik penetapan Kementerian yang memerlukan kereta terpakai diperiksa oleh PUSPAKOM sebelum dijual kepada penjual kereta terpakai kemudiannya diperiksa sekali lagi sebelum kereta itu dijual kepada pihak ketiga.

31. PR-1242-L43644  
**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengarahkan Jabatan Insolvensi Malaysia supaya tidak menyenarai hitamkan Pasport Terhadap Malaysia ke Negara Brunei Darussalam bagi rakyat Malaysia yang tinggal di Limbang yang menghadapi masalah tindakan undang-undang memandangkan kedudukan Limbang yang duduk di antara dua daerah negara jiran tersebut supaya mereka dapat juga bergerak keluar dari daerah Limbang untuk apa-apa tujuan dalam Malaysia.
32. PR-1242-L44379  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pengisian kekosongan hakim-hakim Mahkamah Perusahaan masih belum dilakukan sepenuhnya, menyebabkan banyak kes tertangguh.
33. PR-1242-L44800  
**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menggalakkan lebih banyak pekerja tempatan untuk mengisi peluang pekerjaan dalam berbagai sektor dalam negara dan peratusan pekerja tempatan berbanding pekerja asing dalam sektor pembinaan dan pertanian.
34. PR-1242-L43881  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia, En. S Arutchelvan ditahan semula pada 1 Mei 2011 di Balai Polis Stadium, Dang Wangi atas alasan kes kecurian yang berlaku pada tahun 1996.
35. PR-1242-L44849  
**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
- (a) jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan untuk semua produk petroleum untuk tahun 2010; dan
  - (b) kenaikan harga minyak telah memberi kesan langsung ke atas kos-kos lain yang turut naik. Sejauh mana usaha Kementerian menangani kenaikan kos yang boleh menjejaskan kualiti hidup rakyat telah berhasil.
36. PR-1242-L44920  
**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rasional lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang perlu memasuki ujian bahasa untuk memasuki Universiti Al-Azhar kerana ia seolah-olah merendahkan kualiti sijil ini, sedangkan ia tidak berlaku kepada lulusan sijil thanawi dan diploma kolej-kolej kerajaan negeri sebelum ini.

37. PR-1242-L44859  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah Kerajaan bersetuju untuk mengadakan perjanjian dengan Kerajaan Australia untuk menempatkan 800 pelarian yang dihantar oleh Australia ke Malaysia. Apakah manfaat yang diperolehi oleh Malaysia dalam perjanjian dua-hala tersebut dan kenapakah Kerajaan tidak menandatangani Konvensyen Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
38. PR-1242-L43787  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah kesalahan telah dilakukan oleh Kadir Hashim seorang OKU sehingga ditahan di bawah ISA; dan
  - (b) apakah kesalahan oleh Abdul Majid Bin Kunji Mohamad, warganegara Singapura ditahan dibawah ISA.
39. PR-1242-L43187  
**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan Projek Perumahan Sakit mengikut negeri. Apakah mekanisma pemantauan untuk memastikan projek perumahan tidak sakit dan apakah langkah yang telah diambil untuk membantu pembeli-pembeli rumah yang menjadi mangsa kepada projek sakit ini khususnya rakyat golongan berpendapatan rendah yang merupakan pembeli rumah kali pertama.
40. PR-1242-L43942  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Dewan ini pelbagai rancangan Kerajaan untuk membina lebih banyak rumah bagi rakyat termasuk para pemuda. Berapa syarikat yang terlibat serta jenis dan bilangan rumah yang telah dan akan dibina.
41. PR-1242-L44715  
**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah cukai yang diperolehi Kerajaan daripada kutipan tol di setiap lebuhraya dalam negara ini; dan
  - (b) apakah tindakan yang diambil oleh Bank Negara mengenai kemungkinan terhadap penipuan yang berlaku dalam proses tambah nilai " Kad Touch n Go", dan berapa nilai kerugian setakat ini yang dihadapi melalui kaedah " Kad Touch n Go".

42. PR-1242-L44174  
**Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan bagi menangani masalah pekerja tempatan yang didiskriminasi di sektor perkilangan termasuklah gaji yang rendah, tidak memberikan faedah persaraan dan sebagainya serta lebih mengutamakan untuk mendapatkan pekerja asing daripada pekerja tempatan.
43. PR-1242-L43563  
**Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa mengapi-apikan semangat perkauman yang ditiupkan oleh Akhbar Utusan dan sesetengah NGO adalah bertentangan dengan syariat Islam, selain dari membahayakan kepada keselamatan dan keharmonian negara.
44. PR-1242-L44280  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah perkhidmatan Pos 1Malaysia Medication Service yang telah diperkenalkan dapat menjamin ubat-ubat yang diminta akan dihantar ke kawasan-kawasan pedalaman seperti rumah panjang terletak jauh dari bandar terutamanya di Bintulu; dan
  - (b) adakah pihak Kementerian akan mencari jalan merendahkan kos penghantaran bagi Sabah dan Sarawak yang kini dikenakan RM8.00 berbanding Semenanjung yang hanya RM5.00.
45. PR-1242-L44351  
**Datuk Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan dapat menolong rakyat miskin luar bandar seperti di rumah-rumah panjang di Sarawak supaya mereka ini diberi peruntukan khas atau geran dalam lingkungan RM 5 ribu RM 10 ribu, untuk baikpulih rumah-rumah mereka kepada tahap yang lebih lengkap dan selesa.
46. PR-1242-L43181  
**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang dengan secepat mungkin untuk mewajibkan setiap projek perumahan merangkumi nisbah yang sewajarnya, jenis rumah yang berharga sederhana dan berharga rendah demi kepentingan rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah. Jika tidak, mengapa.



47. PR-1242-L44548  
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membantu masalah kenaikan kos yang tidak bertanggung oleh para pengusaha bas sehingga ada yang terpaksa menamatkan operasi laluan mereka, bukan sahaja di kawasan laluan luar bandar tetapi juga bandar dan pengantara bandar.
48. PR-1242-L44573  
**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah kepentingan Malaysia untuk menduduki kerusi Jawatankuasa Warisan Dunia (WHC) khususnya untuk memainkan peranan yang efektif sebagai anggota Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
49. PR-1242-L43441  
**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah kerugian akibat penyeludupan/penyelewengan minyak diesel/petrol nelayan bersubsidi ,mengikut negeri dari tahun 2008 sehingga Julai 2010 dan berapakah jumlah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang terlibat dalam kes-kes tersebut.
50. PR-1242-L43694  
**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengapa Kerajaan tidak membantah siasatan Majistret Perancis mengenai pembelian Kapal Selam Scorpene sebagai gangguan luaran mencemar imej negara.
51. PR-1242-L44866  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah notis saman ekor yang masih terdapat dalam senarai PDRM dan nyatakan juga jumlah pemilik kenderaan dan pemegang lesen memandu yang terlibat serta berapakah kes yang dalam pertimbangan mahkamah; dan
  - (b) bilakah Kerajaan akan menghapuskan senarai notis saman ekor tersebut dari rekod PDRM.
52. PR-1242-L44909  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan *backlog* bagi kes-kes di Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan setakat 30.4.2011.

53. PR-1242-L43899  
**Tuan Wong Ho Leng [ Sibú ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa banyak peruntukan yang telah disediakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Sarawak berikutan penjimatan dari subsidi minyak semasa pentadbiran bekas Perdana Menteri Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi.
54. PR-1242-L43851  
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penyiataan kematian Ahmad Sarbani Mohamed yang jatuh dari bangunan SPRM dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memulihkan keyakinan awam terhadap institusi tersebut.
55. PR-1242-L43222  
**Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [ Jerantut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang tegas dan cepat boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang menyentuh perkara-perkara sensitif, termaktub dalam Perlembagaan kita.
56. PR-1242-L43988  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan faktor-faktor yang mendorong penyambungan kontrak Ketua Polis Negara baru-baru ini dan apakah kriteria yang digunakan untuk melantik Timbalan Ketua Polis Negara kini.
57. PR-1242-L43955  
**Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah kenaikan pangkat baru pegawai-pegawai dalam Kementerian yang dicadangkan baru-baru ini serta berapa banyak dana yang diperuntukkan bagi tujuan ini.
58. PR-1242-L44588  
**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tahap keberkesanan semasa Kementerian di dalam menangani masalah pendatang asing tanpa izin terutama di kawasan kota memandangkan jumlah mereka semakin bertambah dan mendatangkan ancaman kepada keamanan dan kesejahteraan rakyat negara ini.
59. PR-1242-L43201  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah anak kapal Malaysia yang telah diculik atau diserang oleh lanun-lanun dan di manakah penculikan dan serangan itu berlaku setiap tahun sejak 2003; dan

- (b) mengapakah terdapat penangguhan oleh pihak Pejabat Peguam Negara (AG Chamber) berhubung penyediaan undang-undang kelanunan terutama sekali selepas Malaysia telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kelanunan pada 2009.
60. PR-1242-L43909  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah dan bilakah untuk merealisasikan bantuan kewangan kepada wanita kaum Cina yang berminat untuk menceburi dalam bidang perniagaan.
61. PR-1242-L43726  
**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kriteria-kriteria utama dalam pemberian kewarganegaraan atau status kerakyatan dan memberikan statistik kelulusan kewarganegaraan mengikut pecahan kaum.
62. PR-1242-L44203  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sebarang usaha Kerajaan untuk memberikan pengiktirafan kepada Universiti di Syria dan apakah kriteria yang telah dipenuhi oleh universiti tersebut.
63. PR-1242-L44066  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kedudukan atau kejayaan terkini langkah Kerajaan menyiasat dan mengatasi masalah kebocoran hasil Negara termasuk kes operasi 3B yang melibatkan pihak Kastam Diraja Malaysia (KDRM) yang juga melibatkan imej SPRM apabila salah seorang Pegawai Kanan Kastam mati di bangunan mereka.
64. PR-1242-L44360  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap kenyataan sekumpulan orang perkauman extremist mengenai "jihad terhadap Kristian" yang begitu menghasut dan seditious.
65. PR-1242-L44906  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan bilangan banduan yang berada di bilik akhir dalam negeri setakat 30.4.2011.
66. PR-1242-L43460  
**Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai kemungkinan bahawa kekuatan unit penguatkuasaan undang-undang di Sabah diberikan kakitangan yang lebih dan dibekalkan peralatan, kemudahan, dan barang-barang teknologi tinggi. Sebagai contoh, Malaysia Maritime Enforcement Agency, Polis, Operasi Unit Khas, Field Force, dan lain-lain.

67. PR-1242-L43576  
**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah individu sejak dikuatkuasakan telah melalui Program Perlindungan Saksi melalui Akta Perlindungan Saksi dan adakah mereka ini masih selamat berada di negara ketiga serta berapakah jumlah perbelanjaan Kerajaan mengikut tahap keseriusan kes-kes.
68. PR-1242-L43149  
**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Kerajaan masih membenarkan warga asing dari negara-negara tertentu masuk ke Malaysia, sedangkan mereka sudah dikenal pasti sebagai penjenayah, seperti dalang serta penggiat dalam pengedaran dadah, pelacuran, pengacau dan penipuan.
69. PR-1242-L44765  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai terkini pengurangan subsidi sejak mula dikuatkuasakan yang mengakibatkan kenaikan harga gula dan bahan bakar, berapakah unjuran purata peningkatan kos sara hidup rakyat setahun berikutan kenaikan tersebut serta apakah langkah kerajaan bagi meringankan impak pengurangan subsidi tersebut terhadap golongan berpendapatan rendah.
70. PR-1242-L44801  
**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah beberapa langkah dasar yang diambil oleh Kerajaan untuk generasi kedua Felda telah membuahkan hasil yang diharapkan dan akan membolehkan mereka untuk menjadi kumpulan berpendapatan tinggi di masa akan datang.
71. PR-1242-L43262  
**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPRM) bagi menangani pelbagai isu dari segi perjawatan dan perkhidmatan kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya untuk memastikan mutu kerja yang berkualiti di kalangan kakitangan dan kebebasan SPRM.
72. PR-1242-L43977  
**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif di dalam usaha menarik pelaburan antarabangsa ke dalam negara memandangkan negara menghadapi saingan yang hebat dari negara serantau.

73. PR-1242-L43896  
**Tuan Wong Ho Leng [ Sibü ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah sekolah yang memerlukan pembaikan segera di Sarawak, berapa telah dibelanjakan untuk pembaikan dalam masa 5 tahun yang lalu.
74. PR-1242-L44113  
**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendekatan operasi mengesan pesalah trafik/"road block" yang sah dan hukumannya jika pelanggaran oleh pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM). Nyatakan saluran orang ramai untuk melapor pelanggaran pematuhannya oleh pegawai PDRM ini.
75. PR-1242-L44450  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) bilangan kapal karam yang dapat dikenal pasti dalam perairan Malaysia, adakah cadangan untuk menjalankan kerja (*salvage*) atau menyelamatkan kapal-kapal karam ini; dan
  - (b) anggaran nilai harta purba yang akan diperolehi dari kapal-kapal karam ini.
76. PR-1242-L43710  
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Duta-duta dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dalam menerangkan agenda Negara di bawah Program Transformasi Negara (GTP) dan 1Malaysia di peringkat antarabangsa.
77. PR-1242-L44013  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah kakitangan atau penjawat awam mengikut Kementerian dan jumlah gaji termasuk elaun dan emolument sebenar yang ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan pada tahun ini serta tahun 2012.
78. PR-1242-L43669  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pendirian Kerajaan tentang bil-bil tertunggak Indah Water Konsortium (IWK), kadar-kadar yang dikenakan oleh IWK pada masa kini dan sama ada Kerajaan bersedia memansuhkan caj-caj yang dikenakan oleh IWK.
79. PR-1242-L44841  
**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaikkan taraf Klinik Kesihatan yang sedia ada kepada poliklinik di Bidar, Perak, Memandangkan bilangan penduduk di kawasan ini telah bertambah dengan pesat, sangat memerlukan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

80. PR-1242-L43403  
**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan rasional bayaran-bayaran yang dikenakan (*cess and premium/transportation*) terhadap pekilang-pekilang kelapa sawit dan rasional semua bayaran berkenaan.
81. PR-1242-L43121  
**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hasil penyusunan semula sektor guna tenaga swasta sejak tiga tahun yang lalu dalam usaha menjayakan prinsip keterangkuman.
82. PR-1242-L44293  
**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peratusan kenaikan harga rumah di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Serdang, Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor dan setiap negeri setiap tahun sejak tahun 2000 sampai sekarang dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kenaikan harga rumah yang melonjak.
83. PR-1242-L44965  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan penternak kambing dan lembu.
84. PR-1242-L43133  
**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian bercadang menyelesaikan masalah penukaran paip jenis AC kepada jenis HDEP di seluruh kawasan Sarikei; dan
  - (b) nyatakan juga jadual perancangan Kementerian dan jumlah peruntukan dalam RMKe-10 ini.
85. PR-1242-L43379  
**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah mengeluarkan caruman mereka untuk membeli rumah dan sejauh manakah skim ini benar-benar dapat membantu rakyat memiliki rumah sendiri dan sejauh manakah pula status ketirisan yang berlaku dalam maksud tujuan pengeluaran itu dibuat.
86. PR-1242-L44559  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa ramaikah senarai keluarga miskin yang telah ditamatkan sumbangan kebajikan pada tahun 2008,2009, 2010 dan 2011 mengikut negeri di seluruh negara. Nyatakan punca dan sebabnya pemberhentian.

87. PR-1242-L43281  
**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah pengunjung Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2011 baru-baru ini dan nyatakan impak untuk meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia.
88. PR-1242-L44281  
**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan program penggunaan makmal komputer di sekolah dan kaedah penyelenggaraan. Apakah cara Kementerian memastikan kemudahan tersebut tidak dibazirkan.
89. PR-1242-L43716  
**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan skandal seks Chua Soi Lek selaku Presiden MCA dan apakah Jabatan Peguam Negara telah menerima kertas siasatan untuk kali kedua setelah siasatan lanjut dilakukan.
90. PR-1242-L44240  
**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah manfaat perkhidmatan Email 1Malaysia yang dilancarkan dan dilaksanakan oleh sebuah syarikat swasta kepada rakyat. Sejauh mana kekuatan kewangan syarikat ini untuk memberikan perkhidmatan email ini dan adakah orang ramai yang menggunakan perkhidmatan ini dikenakan bayaran.
91. PR-1242-L43758  
**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mekanisme yang digunakan pihak Kerajaan bagi mengawal pengedaran bahan lucah di Internet dan telefon bimbit.
92. PR-1242-L44997  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah projek perkilangan yang akan menghasilkan sisa radioaktif telah diluluskan dari tahun 2005 hingga 2010, apakah butiran projek tersebut seperti nama syarikat, tapak kilang, jumlah pelaburan, jumlah penghasilan sisa setiap tahun dan sebagainya.
93. PR-1242-L43964  
**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ Parit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana Kerajaan akan terus melakukan perubahan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan apakah hasil penilaian oleh rakyat dalam melaksanakan program tranformasi ini.

94. PR-1242-L44671  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tiada tindakan tegas yang diambil terhadap Utusan Malaysia berhubung laporan "Kristian Agama Rasmi" pada 7 Mei 2011 yang bersifat hasutan dan menyemai elemen permusuhan agama berbanding dengan tindakan keras yang diambil terhadap Sarawak Tribune, Suara Keadilan dan China Press.
95. PR-1242-L44891  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah natijah spesifik dalam tender Petronas bersabit pemberian kontrak pembangunan "marginal oilfield" kepada syarikat-syarikat swasta dan asing, termasuk syarikat-syarikat tanpa sebarang rekod prestasi dalam bidang tersebut; dan
  - (b) siapakah syarikat-syarikat yang telah diberikan kontrak "marginal oilfield" tersebut setakat ini.
96. PR-1242-L43132  
**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberi untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak dalam tempoh 20 tahun yang lalu dan nyatakan bilangan pusat jagaan kanak-kanak yang telah didirikan oleh Kerajaan Pusat.
97. PR-1242-L43171  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti jalan raya dalam Rancangan SCORE. Sila jelaskan adakah projek-projek ini sudah ditenderkan dan seterusnya ditawarkan pada penender.
98. PR-1242-L43294  
**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pendirian Kerajaan yang mahu penggunaan Bahasa Melayu digunakan di peringkat acara antarabangsa dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan itu.
99. PR-1242-L44228  
**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan jalan raya Kota Bharu ke Kuala Krai akan dilaksanakan. Berapakah kos projek keseluruhannya.



100. PR-1242-L44152  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah kelebihan syarikat Tricubes dibenarkan untuk menguruskan projek Email 1Malaysia; dan
  - (b) berapa kadar caj yang dibenarkan untuk penghantaran setiap Email 1Malaysia Kerajaan kepada rakyat dan siapakah yang bertanggungjawab membuat bayaran kepada Tricubes.
101. PR-1242-L43116  
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) berapakah bilangan rumah guru yang tidak digunakan dan apakah sebabnya; dan
  - (b) apakah tindakan Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini.
102. PR-1242-L43925  
**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah saham syarikat arak yang masih dilaburkan oleh Perkeso dalam 2009, 2010 dan hingga kini.
103. PR-1242-L44023  
**Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kawasan longgokan sampah seluruh negara yang telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan sejak pelaksanaan Akta Sisa Pepejal dan apakah dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi pihak yang enggan menyerahkannya.
104. PR-1242-L43927  
**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) saham syarikat arak yang masih dipegang oleh Amanah Raya dari tahun 2005 hingga kini; dan
  - (b) nilai harta pemilik yang terdiri daripada masyarakat Islam yang dipegang oleh Amanah Raya hingga kini.

105. PR-1242-L43560  
**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian peka terhadap fenomena kenaikan kos sara hidup yang naik mendadak khususnya di Labuan yang terbukti lebih tinggi jika dibandingkan dengan kawasan di Negeri Sabah dan Sarawak maka sejauh manakah Kementerian menilai dan mengambil tindakan bagi menangani permasalahan tersebut.
106. PR-1242-L44409  
**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah pelajar terkini yang mendapat pendidikan vokasional mengikut pecahan kaum, jumlah sekolah vokasional di seluruh negara, jumlah guru di sekolah vokasional dan jumlah peruntukan untuk pendidikan vokasional bagi tahun 2011.
107. PR-1242-L43640  
**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dakwaan Laporan Bank Dunia berjudul *Malaysia Economic Monitor:Brain Drain* bahawa Kerajaan aktif untuk menggerakkan ETP yang berasaskan pelaburan; namun tidak begitu giat melaksanakan Model Baru Ekonomi (NEM) yang bertujuan untuk menyelesaikan kebuntuan struktur ekonomi.
108. PR-1242-L43173  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan projek yang dibiayai Kerajaan Persekutuan di kawasan Parlimen Kapit P.215 dan kawasan Parlimen Hulu Rajang P.216 yang sekarang bermasalah belum lagi dapat disiapkan. Sila bagi senarai projek serta nama-nama kontraktor yang terlibat dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap kontraktor-kontraktor dalam pelaksanaan projek tersebut.
109. PR-1242-L43399  
**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang rasional harga tinggi bagi bayaran lebih berat (*excess luggage*) yang dikenakan oleh syarikat penerbangan AirAsia.
110. PR-1242-L43240  
**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memajukan Tasik Kenyir sehingga tahun 2010.

111. PR-1242-L44315  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah pendirian/ tindakan Kerajaan dengan tindakan Amerika mencerooh negara berdaulat Pakistan dan membunuh Osama Bin Laden di hadapan keluarganya dan membuang jenazahnya ke dalam laut; dan
  - (b) apakah pendirian/ tindakan Kerajaan terhadap tindakan negara Barat khususnya NATO yang menyerang negara berdaulat Libya dan cuba membunuh Presidennya Muamar Gaddafi.
112. PR-1242-L44654  
**Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk mempertahankan hak rakyat untuk *affordable medicine*. Adakah Kerajaan bercadang untuk menolak desakan EU untuk komit data *exclusivity* dalam rundingan FTA EU-Malaysia.
113. PR-1242-L44618  
**Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) bilangan lesen nelayan bot kelas C2 yang dikeluarkan mengikut angka terkini; dan
  - (b) jumlah subsidi minyak untuk nelayan bot kelas C2 pada tahun 2010 dan subsidi dari bulan Januari sehingga Mei 2011.
114. PR-1242-L44248  
**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap pelbagaian bantahan terhadap istilah yang dikatakan sensitif dan menyinggung perasaan kaum-kaum tertentu yang terdapat dalam Kamus Dewan dan sejauh manakah bantahan ini boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian hidup rakyat negara ini.
115. PR-1242-L44812  
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah program Skim Rumah Pertama dibuka kepada masyarakat luar bandar yang memenuhi syarat kelayakan memohon skim SKP ini untuk memohon pinjaman bagi membina rumah pertama memandangkan ketiadaan pemaju yang membina rumah di kawasan pinggir bandar dan luar bandar seperti di kawasan Parlimen Sibuti.

116. PR-1242-L43919  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan penyiasatan terhadap kematian Muhammad Hanafi b. Omar KP 880405-08-6577 yang ditembak mati oleh Polis DiRaja Malaysia pada 13hb November 2010 di Subang, Selangor. Apakah tindakan yang sedang diambil untuk memastikan kejadian seperti ini tidak berulang.
117. PR-1242-L43688  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah nelayan seperti berikut:-
- (a) nelayan-nelayan tidak menerima wang subsidi sebanyak RM200.00 secara berterusan; dan
  - (b) wang subsidi sebanyak 10 sen sekilo tangkapan laut tidak diberikan mengikut jumlah tangkapan yang telah dikemukakan oleh nelayan-nelayan.
118. PR-1242-L44525  
**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan Malaysia jatuh dalam Senarai Indeks Kebebasan Ekonomi Sedunia daripada tangga ke-68 pada tahun 2009 kepada 77 pada tahun 2010. Apakah sebab-sebab yang menyebabkan Malaysia tidak dilihat sebagai negara yang mempraktikkan kebebasan ekonomi.
119. PR-1242-L43473  
**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah yang dibelanjakan mengikut Kementerian bagi melaksanakan program-program Kerajaan di Sarawak sepanjang tempoh berlangsungnya Pilihan raya Negeri dan nyatakan apakah jumlah perbelanjaan itu terkandung di dalam bajet.
120. PR-1242-L44503  
**Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen khas kepada *car reposessor* untuk mengawal mereka daripada menidas peminjam; dan
  - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan terhadap bank sekiranya terdapat kebocoran maklumat peminjam yang menyebabkan peminjam diperdaya oleh *reposessor* untuk kepentingan mereka.

121. PR-1242-L44898  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bahawa memandangkan tiada kesinambungan ketara dalam kegiatan mempromosikan bidang kajian Melayu di *European Chair for Malay Studies* sesudah pelopornya Professor Dr Salleh Yaapar bersara dari tempat asalnya di Leiden University, sama ada Kerajaan bercadang untuk memindahkan Chair tersebut ke sebuah universiti di Frankfurt untuk menghidupkan semula kegiatan ilmiah berkenaan.
122. PR-1242-L43532  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menutup terus kilang-kilang yang menjual makanan sampah (junk food) yang langsung tidak memberi manfaat dari segi nutrisi rakyat Malaysia terutama anak-anak yang sedang membesar.
123. PR-1242-L44272  
**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan terperinci pelaksanaan sistem 'undi awal' apakah proses pengiraan undi akan dibuat terus setelah proses pengundian selesai kalau tidak kenapa.
124. PR-1242-L44519  
**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan Sekolah Tamil yang sekarang ada di kawasan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sg Buloh/Kota Damansara akan ditutup sama sekali atau akan dialih ke tapak lain dan adakah tapak gantian itu telah dikenalpasti dan apakah lokasi tapak gantian dan bila akan dialih.
125. PR-1242-L43120  
**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan keselamatan makanan negara dan dunia terkini dan usaha memampankan bekalannya.
126. PR-1242-L44161  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek ke Mahkamah sejak tahun 2007 setelah beliau sendiri mengaku merupakan pelakon dalam video lucah yang dikaitkan dengan beliau.
127. PR-1242-L43901  
**Tuan Wong Ho Leng [ Sibul ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah kemajuan dalam menyalurkan bekalan elektrik dan air ke kawasan luar bandar di Sarawak.

128. PR-1242-L44246  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah polisi penggunaan khidmat Air Asia oleh penjawat awam tidak akan menjejaskan syarikat penerbangan nasional negara, MAS.
129. PR-1242-L45023  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapakah sebanyak 6 buah Kementerian dan 25 jabatan Kerajaan Persekutuan yang masih belum menyediakan kemudahan TASKA di tempat kerja dan bilakah sasaran semua Kementerian dan jabatan mempunyai kemudahan TASKA akan tercapai.
130. PR-1242-L44244  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi membiayai delegasi isteri Perdana Menteri yang melawat ke Turki baru-baru ini.
131. PR-1242-L43393  
**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan selain iklan-iklan di surat khabar yang menawarkan kursus vokasional untuk menyambung pelajaran, apakah pendekatan lain dilaksanakan untuk menyedari golongan yang kurang cemerlang di bidang akademik supaya menyertai di bidang vokasional dan teknikal.
132. PR-1242-L44384  
**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara kerana menjadi keldai dadah dan mengapakah perkara tersebut terus berlaku walaupun pelbagai nasihat telah diberikan.
133. PR-1242-L44761  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan tanah Kerajaan bekas kuarters di Jalan Imbi, Kuala Lumpur seluas 105 ekar dan bagaimanakah tanah tersebut diagihkan.
134. PR-1242-L43356  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah di kawasan Parlimen Seremban dari 1.1.2009 sehingga 31.12.2009
- (a) berapa banyakkah pusat hiburan haram yang berjaya diserbu oleh pihak polis di kesemua 6 kawasan DUN dalam Kawasan Parlimen Seremban; dan
  - (b) berapa ramaikah yang ditahan, didakwa di mahkamah dan juga berapa ramaikah yang dibebaskan dari tuduhan.

135. PR-1242-L43711  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keadaan kegunaan tenaga solar di Malaysia dan menyatakan dasar penggunaan tenaga solar.
136. PR-1242-L44481  
**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelatih-pelatih Tabib Cina ramainya terdiri daripada mereka yang mengikuti kursus ketabiban Cina secara separa masa di akademi-akademi ketabiban Cina yang telah lama wujud. Apakah akademi berkenaan telah dikehendaki untuk berdaftar sebagai IPTS yang tidak boleh menawarkan kursus separa masa seperti sediakala. Jika ya, setakat ini berapa akademi yang telah berdaftar dan berapa pula pelatih tabib dijangka akan terjejas pembelajarannya berikutan penguatkuasaan dasar itu.
137. PR-1242-L44366  
**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berhubung dengan tindakan Kerajaan untuk menangani individu dan kumpulan yang mempermainkan isu-isu sensitif seperti perkauman dan agama yang boleh menggugat kestabilan dan keselamatan negara.
138. PR-1242-L44610  
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah wujud suatu polisi kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam program-program pemberdayaan dan pembangunan masyarakat setempat.
139. PR-1242-L43871  
**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dengan penarafan baru oleh *Barclay Capital* tentang pasaran modal Malaysia dari 'sekunder' kepada 'baru muncul maju' akan terus merancakkan lagi pasaran modal negara.
140. PR-1242-L43600  
**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status projek pembinaan Hospital Shah Alam dan berapa lama lagi perlu warga Shah Alam menunggu sebelum mendapat kemudahan ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 2/2011) Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (15 Jun, 2011)**  
  
[ Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ]
2. (D.R. 3/2011) Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
  
[ Kementerian Belia dan Sukan ]
3. (D.R. 5/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011 “  
  
[ Perdana Menteri ]
4. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 “  
  
[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]
5. (D.R. 11/2011) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011 “  
  
[ Kementerian Kewangan ]
6. (D.R. 45/2010) Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010 “  
  
[ Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ]
7. (D.R. 8/2011) Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011 “  
  
[ Kementerian Luar Negeri ]
8. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 “  
  
[ Kementerian Kewangan ]
9. (D.R. 10/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 “  
  
[ Kementerian Kerja Raya ]



10. (D.R. 9/2011) Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 “  
**[ Kementerian Kesihatan ]**
11. (D.R. 12/2011) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 “  
**[ Kementerian Kesihatan ]**
12. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 “  
**[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**
13. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “  
**[ Kementerian Pertahanan ]**
14. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
15. PR-1242-U43283  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ketika keadaan negara berada dalam keadaan aman dan tenteram, tugas Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Udara dan Laut) tidaklah begitu berat. Dan mengambil maklum bahawa terdapat mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera begitu berkelayakkan tinggi, misalnya doktor perubatan, doktor gigi, jurutera mekanikal dan elektrikal, jurutera awam, pentadbiran awam dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa, kepakaran anggota yang disebutkan di atas sesungguhnya dapat membantu dalam pentadbiran negara dan dimanfaatkan untuk ketenteraman dan kemajuan negara. Dan mengambil maklum juga bahawa terdapat cadangan bahawa pihak tentera membantu pihak polis dalam rondaan di tempat strategik bagi memastikan keamanan negara. Selain itu, pihak tentera juga boleh membantu anggota trafik untuk mengawal lalu lintas disamping membuat kerja-kerja kemasyarakatan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, agar satu rangka kerja dapat diwujudkan agar pihak tentera dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara melalui program-program yang dimaksudkan di atas."

**(Menteri Pertahanan)**

16. PR-1242-U43291  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat pegawai terutama sekali pegawai bawahan angkatan tentera, polis dan pasukan beruniform yang lain, setelah bersara wajib, mereka hidup di paras kemiskinan. Dan mengambil maklum bahawa keadaan ini berlaku kerana, latihan dan amalan tugas mereka semasa bertugas tidak dapat menawarkan mereka sebarang peluang kerja baru ataupun minat mereka selepas bersara telahpun berubah. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rumah untuk berteduh. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, mereka tidak lagi dapat menampung persekolahan anak-anak dan diburukkan lagi dengan tidak mendapat sebarang bantuan biasiswa, oleh itu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan mengambil maklum bahawa, satu program khas hendaklah dirangka bagi mereka ini, untuk melatih mereka dalam bidang yang ingin mereka ceburi selepas bersara, termasuklah untuk menyediakan tanah bagi mereka usahakan, sementara anak-anak mereka hendaklah diberikan biasiswa melalui koperasi yang berkaitan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, pihak Kerajaan menyediakan program khas bagi mereka ini untuk mempersiapkan mereka sebelum persaraan mereka."

**(Menteri Dalam Negeri)**

17. PR-1242-U43292  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memaklumkan bahawa kaum Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak diberikan kedudukan khas dan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa dengan kedudukan khas dan istimewa ini, mereka yang dimaksudkan di atas diberikan keutamaan bagi pemberian biasiswa, pekerjaan dan lain-lain lagi. Dan mengambil maklum bahawa, walaupun orang asli yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Malay, telah menduduki negara ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi, mereka telah tidak diiktiraf oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa oleh kerana kedudukan mereka tidak termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia, mereka tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagaimana yang diperuntukan kepada golongan yang dimaksudkan dalam Perkara 153 tersebut. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, oleh kerana orang asli juga adalah penduduk asal negara ini, maka Kerajaan hendaklah meminda Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan orang asli sebagai orang-orang yang dilindungi oleh perkara sama, sama kedudukan dengan Orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak."

**(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

18. PR-1242-U43302  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah rezab Kerajaan, tanah rezab sungai, tanah pesisir pantai, tanah-tanah rezab lainnya dan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Keadaan ini tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada ekonomi negara mahupun pemilik individu yang dimaksudkan. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya tanah-tanah yang dimaksudkan, sekiranya diusahakan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada ekonomi negara terutama sekali dalam industri makanan. Dan mengambil maklum bahawa, rezab-rezab sungai juga boleh dibangunkan untuk aktiviti akuakultur dimana akan menyumbang juga kepada ekonomi negara. Dan mengambil maklum bahawa dengan adanya aktiviti ekonomi yang dimaksudkan, kawasan yang dimaksudkan juga akan dapat diperindahkan. Dan mengambil maklum bahawa, kesemua aktiviti yang dimaksudkan diatas, terutama sekali yang melibatkan tanah rezab Kerajaan dan tanah rezab sungai dapat dibangunkan dengan memberikan lesen pendudukan sementara daripada para pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tempat tersebut mengikut kesesuaian setempat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, Kerajaan hendaklah, melalui Kerajaan negeri masing-masing meningkatkan lagi kepenggunaan tanah yang dimaksudkan di atas bagi memantapkan lagi ekonomi negara."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

19. PR-1242-U43959  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini mengenai isi kandungan transformasi kesihatan termasuk 1 Care dan 1 Clinic. Bahawa Dewan ini memperbahaskan bagaimana 1Care ini boleh mewujudkan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar oleh rakyat."

**(Menteri Kesihatan)**

20. PR-1242-U43960  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan pendidikan negara. Dewan ini juga hendak mendebatkan skop perjawatan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai dari hampir 400,000 guru mendapat kenaikan pangkat."

**(Menteri Pelajaran)**

21. PR-1242-U44889  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama".
- (Perdana Menteri)**
22. PR-1242-U44890  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjajaan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "
- (Menteri Dalam Negeri)**
23. PR-1242-U43366  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan membuat ketetapan mengenai pengeluaran serta pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor bagi pembinaan-pembinaan infrastruktur dan bangunan bukan sahaja dengan kelas khas contohnya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A tetapi haruslah memastikan agar kontraktor-kontraktor mematuhi segala syarat dan keperluan kejuruteraan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pemantauan rapi haruslah dilaksanakan dengan telus dan tegas supaya betul-betul dapat mengelakkan daripada kecuaiian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Ini tentu sekali dapat memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku seperti bangunan runtuh dan kecacatan infrastruktur sebelum dan selepas tempoh jaminan."
- (Menteri Kewangan)**
24. PR-1242-U43375  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan yang mulia ini membincang serta memutuskan agar rakyat Malaysia terutamanya di media massa untuk menghentikan perbalahan mencaci dan meragui kepercayaan agama dan kebebasan beragama masing-masing seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta menghormati Rukun Negara.

Media-media massa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati ini dan mengeluarkan berita tanpa siasatan dan mengakibatkan keraguan serta berkemungkinan boleh mencetuskan kebimbangan serta percacihan di antara rakyat yang menghormati kaum yang berbilang di negara ini."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

25. PR-1242-U43381

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang untuk menyiasat dengan seriusnya mengenai keadaan pertumbuhan penduduk di Sabah yang mendadak sekali sehingga melebihi kadar peratus pertumbuhan yang biasa mengikut perbandingan bancian penduduk sejak tahun 1970 hingga bancian terkini 2010. Pengawalan serta penyiasatan pertumbuhan penduduk ini tentunya mempunyai dasar dan pengurusan agar rakyat Malaysia di Sabah dapat menjalankan taraf kehidupan yang baik, jauh dari kemiskinan, malapetaka serta keraguan di antara mereka."

**(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

26. PR-1242-U44783

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

27. PR-1242-U44788

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di Negara Taiwan. Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi itu sendiri dan tidak wajar peruntukan itu disalurkan kepada parti-parti komponen BN untuk kegunaan mereka."

**(Menteri Kewangan)**

28. PR-1242-U44154  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai yang mempertikaikan Malaysia berkaitan tahap kebebasan media yang diamalkan sejak kebelakangan ini. Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kebebasan media Malaysia sudah tidak bernyawa lagi akibat kekebalan undang-undang. Sebagai sebuah negara mengamalkan sistem Demokrasi berparlimen ianya cukup penting untuk memberikan peranan yang tinggi kepada kebebasan media kerana ianya bersangkutan paut dengan demokrasi negara. Apakah daya yang mampu diperkenalkan oleh industri media dalam menyalurkan berita tepat dan benar kepada seluruh rakyat jikalau pelbagai Akta berkaitan media yang sanggup menggari kebebasan media dinegara ini. Maka dengan itu segala AKTA dan UNDANG-UNDANG yang mengongkong kebebasan media harus dimansuhkan dengan kadar segera dalam melahirkan usaha baru bagi mencerminkan kemuliaan kebebasan media di Malaysia".

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

29. PR-1242-U44981  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan memohon Kementerian Pelajaran ini mengkaji semula syllabus yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan, berpengetahuan dan berketerampilan dengan menitikberatkan elemen kokurikulum dalam penilaian pencapaian."

**(Menteri Pelajaran)**

30. PR-1242-U44983  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kerajaan menyediakan garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di peringkat negeri."

**(Perdana Menteri)**

31. PR-1242-U44985  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang bekerja. "

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

32. PR-1242-U45062  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengkaji untuk memperbanyakkan lagi AP untuk bahan gula dan beras agar harga dapat diturunkan. Dengan adanya oligopoly akan dapat menurunkan harga dan manfaatnya akan dinikmati oleh masyarakat."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

33. PR-1242-U45063  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisma untuk menghalang warga negara menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

34. PR-1242-U45064  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Pengangkutan pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

**(Menteri Kerja Raya)**

35. PR-1242-U43833

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri supaya tampil ke Mahkamah Perancis untuk membersihkan nama Negara Malaysia dan menjelaskan urus niaga yang berkaitan dengan Syarikat Armanis dan transaksi kewangan yang bernilai RM 30 juta dan RM 2.5 juta kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Dokumen-dokumen telah diperolehi oleh Pihak Berkuasa Perancis setelah menyerbu Syarikat DNCS dibawah Akta Kebebasan Maklumat. Menurut peruntukan Konvensyen Korupsi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2002 yang membenarkan untuk memanggil individu yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi sesebuah negara. Jika gagal dijalankan, Warren Geledah Antarabangsa akan digunakan untuk memaksa individu itu membari keterangan."

**(Perdana Menteri)**

36. PR-1242-U43387

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini dimana Guru Besar Sekolah Rendah yang mempunyai pelajar yang sedikit dikekalkan gaji mereka pada DGA 32 manakala Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Cluster dinaikkan gaji mereka dari DGA 32 kepada DGA 34."

**(Perdana Menteri)**

37. PR-1242-U43398

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyediakan saluran Khas di televisyen yang dapat menyiarkan secara langsung persidangan penuh di Dewan Rakyat supaya orang awam lebih maklum tentang perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen mereka".

**(Perdana Menteri)**

38. PR-1242-U43402

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan pilihanraya Kerajaan tempatan supaya perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan kerja-kerja yang diberikan kepada sub kontraktor perlu diawasi oleh kerajaan tempatan bagi mengelakkan penyelewengan".

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**



39. PR-1242-U43408  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menangani salah laku Pegawai Polis dimana terdapat terlalu ramai yang ditahan reman mati di dalam lokap".  
**(Menteri Dalam Negeri)**
40. PR-1242-U43419  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk ISA dan semua tahanan yang ditahan di ISA dibicarakan di Mahkamah terbuka atau dibebaskan jikalau tidak ada bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka".  
**(Menteri Dalam Negeri)**
41. PR-1242-U43421  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mencadangkan bahawa semua jawatan kosong dalam sektor awam dapat diiklankan di dalam semua surat khabar utama supaya orang awam dari semua golongan rakyat dapat memohon jawatan tersebut".  
**(Perdana Menteri)**
42. PR-1242-U43424  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mengawal penjualan asid secara terbuka dan menjadikan asid sebagai barangan kawalan atau penjual-penjual haruslah menulis nama dan nombor kad pengenalan mereka yang membeli asid bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian pembuangan asid terhadap wanita-wanita yang banyak berlaku sekarang di negara ini."  
**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**
43. PR-1242-U43425  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan membina lebih banyak Muzium Memorial yang melambangkan sejarah Malaysia contohnya Yap Ah Loy, Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur bagi mengenang jasa mereka."  
**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

44. PR-1242-U43427  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undi Pos".  
  
**(Perdana Menteri)**
45. PR-1242-U43429  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan supaya harga petrol dan gula tidak dinaikkan lagi kerana kenaikan harga petrol dan gula secara mendadak kebelakangan ini amat membebankan rakyat kerana harga barangan lain juga akan turut naik. Kerajaan harus memastikan bil-bil utiliti tidak dinaikkan."  
  
**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan  
Kepenggunaan)**
46. PR-1242-U43431  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah Cina dan Tamil di kawasan-kawasan yang terdapat ramai pelajar Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Cina dan Tamil."  
  
**(Menteri Pelajaran)**
47. PR-1242-U43756  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan.  
Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."  
  
**(Menteri Pertahanan)**

48. PR-1242-U43407  
**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang yang lebih tegas tapi adil dalam menangani insiden-insiden yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dewan sedar akan pertimbangan implikasi politik namun keselamatan rakyat dan negara adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih rakyat" .

**(Menteri Dalam Negeri)**

49. PR-1242-U43410  
**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri menggantung pendaftaran mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memperalatkan agama untuk memporak-perandakan ketenteraman hidup rakyat Malaysia pelbagai kaum yang hidup aman damai. Dewan akur bahawa langkah sedemikian perlu bagi mengekalkan perpaduan yang terjalin dikalangan rakyat sejak sebelum Merdeka ".

**(Menteri Dalam Negeri)**

50. PR-1242-U43412  
**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan agar lagu tema 1Malaysia yang diterbitkan Lim Kok Wing Sound and Music Design Academy dijadikan sebagai lagu wajib di setiap sekolah dan pusat pengajian di dalam negara. Dewan sedar tindakan ini mampu memperkukuhkan perpaduan dan mencungkil rasa cinta kepada tanah air."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

51. PR-1242-U43414  
**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mencadangkan agar pihak Menteri Belia dan Sukan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi gejala rasuah dalam bidang sukan.

Dewan mendesak agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dijadikan 'rakan aktif' dalam menangani gejala ini, terutamanya dalam sukan bola sepak negara".

**(Menteri Belia dan Sukan)**

52. PR-1242-U43471

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri membentangkan satu laporan penuh berhubung pelaksanaan kaedah "Saman Ekor". Dewan membuat ketetapan laporan tersebut perlu untuk memperjelaskan kedudukan sebenar kaedah "Saman Ekor" yang telah banyak mengundang debat umum."

**(Menteri Dalam Negeri)**

53. PR-1242-U43476

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan dasar Persekutuan dipatuhi di peringkat negeri, terutamanya di negeri yang ditadbir pembangkang. Dewan mengambil maklum bahawa walaupun Kerajaan negeri mempunyai hak seperti yang termaktub didalam Perlembagaan, namun penyalahgunaan hak tersebut demi kelangsungan politik boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

54. PR-1242-U44950

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa-Bersatu pada 18 December 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

**(Menteri Luar Negeri)**

55. PR-1242-U44952  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."
- (Menteri Sumber Manusia)**
56. PR-1242-U44876  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuhraya Malaysia."
- (Perdana Menteri)**
57. PR-1242-U44878  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 dikuatkuasakan."
- (Menteri Dalam Negeri)**
58. PR-1242-U44880  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."
- (Perdana Menteri)**
59. PR-1242-U44881  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan Imbuhan Perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."
- (Perdana Menteri)**

60. PR-1242-U44883

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 2 peratus."

**(Menteri Kewangan)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.22	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Bagi Tahun 2010	16 Jun 2011
ST.25	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional Bagi Tahun 2010	16 Jun 2011

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri yang Bertanggungjawab</b>
1. 16.6.2011 (Khamis)	1. YB Tuan John Fernandez (Seremban)	1. Laporan Polis Pandamaran /004274/08 bertarikh 12.6.2008 oleh Cheoh Chien Chwee	1. YB Menteri Pengangkutan
2. 16.6.2011 (Khamis)	2. YB. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)	2. Gangguan seksual diakibatkan oleh perkongsian bilik di antara lelaki dan wanita yang bukan pasangan dalam industri Pelancongan.	2. YB Menteri Pelancongan